

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1991/1992

Mac/April 1992

BZT 394/3: PERLAKUAN HAIWAN

Masa: [3 jam]

---

Jawab LIMA daripada ENAM soalan.

Tiap-tiap soalan bernilai 20 markah.

---

.../2

(BZT 394/3)

1. Tulis nota pendek mengenai yang berikut:

- (a) tarian lebah
- (b) feromon
- (c) poliandri
- (d) naluri

(20 markah)

2. Merujuk kepada contoh spesifik, bincangkan bagaimana pembelajaran mempengaruhi perkembangan perlakuan.

(20 markah)

3. Apakah perbezaan di antara perlakuan kedekut dan perlakuan altruistik? Seekor monyet jantan telah diperhatikan oleh anda membunuh 2 ekor anak monyet. Huraikan bagaimana anda akan menentukan sama ada perlakuan monyet jantan tersebut dikatakan kedekut (mementingkan diri). Anda boleh membuat beberapa andaian yang harus dinyatakan.

(20 markah)

4. Huraikan semua prasyarat yang harus dipenuhi untuk membolehkan anda mengkaji perkembangan hierarki dominans dalam sekumpulan ayam jantan. Berikan alasan.

(20 markah)

(BZT 394/3)

5. Anda diminta kaji sama ada ikan pelaga jantan yang dirawat oleh metil testosteron adalah lebih agresif dari ikan pelaga yang normal (kawalan, tidak dirawat oleh hormon). Huraikan setiap langkah yang harus dijalankan untuk eksperimen ini dan jenis ujian statistik yang perlu digunakan untuk penganalisaan data.

(20 markah)

6. Haiwan vertebrata yang oviparus mempamirkan pelbagai jenis perlakuan pembiakan untuk menjamin pengeluaran benih adalah berjaya. Bincangkan dengan merujuk kepada contoh spesifik.

(20 markah)

-ooo0ooo-